

# Perancangan pembangunan tidak seimbang

Antara punca beberapa sekolah berdepan masalah kepadatan murid

Oleh **MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI SHAH ALAM**

**P**erancangan pembangunan kawasan yang tidak seimbang melibatkan jumlah kediaman, penduduk dan sekolah dilihat menjadi antara punca beberapa sekolah di kawasan bandar dan pinggir bandar ketika ini berdepan masalah kepadatan murid.

Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Siswazah Fakulti Rekabentuk dan Seni-bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Profesor Madya Dr Mohd Zairul Mohd Noor berkata, perancangan pembangunan yang tidak teliti menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah turut terjejas kerana murid terpaksa belajar di dalam suasana tidak selesa.

"Sekiranya perancangan pembangunan itu tidak mengambil kira proses urbanisasi dan kapasiti untuk menampung kepadatan penduduk dan sekolah dibina tidak seimbang dengan pertumbuhan populasi ini yang akan berlaku.

"Tidak dinafikan perancangan yang tidak menyeluruh akan menyebabkan masalah ini terjadi (kepadatan murid)," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas berhubung isu kepadatan murid di beberapa kawasan yang berlaku di se-



SMK Meru Klang antara sekolah yang padat di Selangor.



bilangan buah sekolah, terutamanya di negeri yang padat penduduk di negara ini.

Tambahnya, meskipun sesuatu perancangan pembangunan kawasan baharu itu turut disertai dengan pelan pembangunan sekolah baharu namun pembinaannya akan mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan.

"Apabila dirancang kawasan perumahan baharu memang ada untuk pembinaan sekolah, tetapi kebiasaan sekolah itu mengambil masa untuk dibina berdasarkan beberapa faktor antaranya peruntukan lambat dan sebagainya.

"Sebab ia melibatkan dana kerajaan dan lain-lain, jadi untuk saranan ditambah baik bagi saya, adalah yang mana penduduk juga perlu diberi lebih



**MOHD ZAIRUL**

kuasa dan suara untuk memberi pendapat dan mengusulkan sekolah harus dibina jika ia ada keperluan mendesak," katanya.

Susulan itu katanya, suara dan tindakan semua pihak perlu lebih efisien bagi mengatasi isu ini.

"Bukan semua dari atas sudah ditetapkan bahawa satu sekolah sahaja mencukupi tanpa mengambil kira

keadaan dan perubahan sekeliling yang berlaku," kata beliau.

Jelasnya lagi, wakil rakyat juga perlu memainkan peranan yang penting dalam mengatasi isu kepadatan murid ini.

"Desakan boleh dibuat oleh mereka, turun padang dan mendengar sendiri suara hati mereka ini, sekiranya sekolah perlu dibina segera bersuaralah untuk penduduk di kawasan anda," katanya.